

24/06/1998

Ismail ikrar bantu lahir ramai usahawan Melayu

KANGAR, Selasa - Calon Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya kecil Parlimen Arau berikrar membantu melahirkan lebih ramai usahawan Melayu yang berjati diri serta berdikari, selain menangani masalah semasa di kawasan terbabit.

Ismail Kassim, 38, berkata pengalaman yang ditimba ketika bertugas di Padiberas Nasional Berhad (Bernas) akan digunakan sebaik mungkin untuk mencapai matlamat itu.

Katanya, hubungan secara langsung dengan 157 pekilang yang menyertai Skim Pusat Belian Padi (SPBP) Bernas, mendedahkan beliau kepada pelbagai masalah yang dihadapi usahawan Melayu.

"Jika dipilih sebagai Ahli Parlimen, saya bertekad membantu melahirkan seberapa ramai usahawan Melayu sama ada di peringkat Parlimen Arau atau Perlis.

"Sementara itu, tugas menangani masalah penduduk setempat dan meningkatkan kemajuan kawasan terbabit dalam pelbagai bidang juga adalah agenda utama yang tidak boleh diabaikan," katanya.

Semalam, Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, mengumumkan Ismail yang juga adiknya sebagai calon BN untuk pilihan raya kecil Parlimen Arau pada 4 Julai ini.

Ismail yang bertugas sebagai Pegawai Kanan I Bernas merangkap Pengurus SPBP dan Pegawai Perhubungan Bernas Kedah, Pulau Pinang dan Perlis, melepaskan jawatan itu semalam.

Lulusan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) itu adalah bekas pendidik sebelum menyertai Bernas pada 1996 dan memegang jawatan Naib Ketua Pemuda Umno Perlis dan Ketua Pemuda Umno Arau.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau meminta pengundi di Parlimen Arau supaya tidak mengaitkan dirinya sebagai adik Menteri Besar dan dipilih sebagai calon kerana faktor itu.

Katanya, pemilihan itu dibuat oleh Perdana Menteri dan Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, manakala Shahidan tidak pernah menggalakkan beliau menyertai politik.

"Saya berharap pengundi menilai saya dari segi kemampuan sendiri dan kerelaan untuk berkhidmat," katanya.

Pilihan raya kecil Arau diadakan berikutan kematian Ahli Parlimennya, Kamaruddin Ahmad, pada 25 Mei lalu akibat serangan angin ahmar.

(END)